

Pasukan khas JBPM untuk KL2017 sudah sedia



PASUKAN khas JBPM melakukan demonstrasi di Pusat Penyelidikan Kebombaan, Bandar Enstek, Nilai semalam.

NILAI - Pasukan khas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang ditubuhkan sebagai persediaan pencegahan kebakaran serta ancaman bahan kimia berbahaya semasa Sukan SEA ke-29 (KL2017) dan Sukan Para ASEAN Kesembilan kini sudah bersedia menggalas tanggungjawab itu.

Ketua Pasukan Khas Hazmat dan Kimia, Biologi dan Radiologi, Nuklear dan Letupan (CBRne) JBPM, Penguasa Kanan Bomba 1, M. Murugiah berkata, pasukan khas yang terdiri daripada 700 pegawai dan anggota itu akan bertanggungjawab memastikan keselamatan atlet dan penonton di lima kluster utama ketika temasya berlangsung.



M. MURUGIAH

Menurut beliau, lima kluster utama tersebut ialah Bandar Sukan Kuala Lumpur (Bukit Jalil), Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Pusat Pameran Perdagangan Antarabangsa Malaysia, Kompleks Sukan Air di Putrajaya dan beberapa venue di luar Lembah Klang.

“Pada keseluruhannya, seramai 700 pegawai dan anggota terlibat dalam pasukan khas manakala 99 jentera khas akan digunakan dan ditempatkan di lima kluster utama tersebut,” katanya selepas tamat Demonstrasi Kesiapsiagaan dan Persediaan Pasukan Khas Hazmat dan CBRne JBPM di Pusat Penyelidikan Kebombaan di Bandar Enstek di sini semalam.